

**MAJLIS PERMAUFAKATAN KESATUAN DAN PERSATUAN GURU  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA.**

**TAJUK: DASAR PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MATEMATIK DAN  
SAINS DALAM BAHASA INGGERIS.**

**PENDAHULUAN.**

Kerajaan Malaysia pada Julai 2002, melalui pengistiharan yang dibuat oleh Menteri Pelajaran pada masa itu YB Datuk Musa Muhamad telah dengan tiba-tiba mengumumkan perubahan dasar penggunaan Bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik dan Sains dari Bahasa Malaysia ke Bahasa Inggeris (PPSMI) berkuat kuasa mulai 2003. Antara kenyataan Akhbar beliau adalah seperti berikut:

“Sains dan Matematik adalah satu bidang ilmu yang sangat dinamik dengan pelbagai inovasi dan penemuan baru belaku hampir setiap hari melalui penyelidikan dan pembangunan. Bidang ini merupakan asas penting kepada kemajuan dan pembangunan negara. Sebahagian besar maklumat terkini mengenai sains dan teknologi ditulis atau disampaikan dalam bahasa inggeris. Oleh itu, pendedahan awal kepada Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris akan memberi peluang kepada pelajar untuk menguatkan asas bagi memperoleh maklumat dan ilmu terutama dalam Bidang Sains dan Matematik, selain menambah masa konteks dalam Bahasa Inggeris.

(Kenyataan Akhbar Menteri Pelajaran, 20 Julai 2002)

Berdasarkan kenyataan akhbar Menteri Pelajaran di atas menjelaskan tujuan utama menggunakan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Pengantar dalam Pengajaran dan Pembelajaran matematik dan Sains (PPSMI) kepada pelajar di sekolah dalam dua aspek:

- Untuk menguatkan asas bagi memperoleh maklumat dan ilmu terutama dalam bidang Sains dan Matematik.
- Menambah masa pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Inggeris dengan tujuan dapat membantu pelajar mempertingkatkan penguasaan Bahasa Inggeris.

Beberapa Kajian dan keputusan pepreksaan awam menunjukkan bahawa pelajar Melayu rata-rata adalah lemah bukan sahaja dalam matematik dan sains tetapi juga dalam pelajaran Bahasa Inggeris, bermula dari pendidikan rendah lagi (UPSR), dan secara kumulatif kelemahan ini membawa kepada peringkat PMR, SPM, STPM dan universiti (Ishak, 2001).

Dalam ucapan YAB Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad Perdana menteri Malaysia pada 1 September 2001 ketika merasmikan Persidangan Kongres Pendidikan Melayu 1. bertempat di PWTC, Kuala Lumpur, mengakui wujudnya jurang kelemahan ini, terutama kelemahan diperingkat sekolah kebangsaan.

Antara lain ucapan beliau;

” Walaupun terdapat sekolah kebangsaan yang cemerlang tetapi prestasi kebanyakannya adalah rendah. Oleh sebab penuntut di sekolah kebangsaan hampir semuanya Melayu terdiri dari anak Melayu, ini bermakna anak Melayulah menjadi mangsa kemerosotan prestasi sekolah-sekolah kebangsaan. Soalnya ialah apakah kita harus memejamkan mata dan menyerahkan kepada takdir kerana kita sanggup menghadapi realiti dan cabaran, atau apakah kita sanggup berhadapan dengan masalah yang menyerang bangsa kita, walaupun ia memalukan dan mencemar imej bangsa kita?”

Isu yang timbul:

Daripada kenyataan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran di atas amat memeranjatkan kita apabila kerajaan pimpinan Dato’ seri Dr Mahathir pada Julai 2002 telah mengistiharkan untuk menukarkan bahasa pengantar mata pelajaran Matematik dan Sains dari Bahasa Melayu ke Bahasa Inggeris mulai 2003 atas alasan untuk meningkatkan pembelajaran Matematik dan Sains serta meningkatkan kecekapan pelajar berbahasa Inggeris. Dasar ini telah dilaksanakan serentak pada Januari 2003 bermula di Tahun 1 sekolah rendah, tingkatan 1 di sekolah menengah, Tingkatan 6 Rendah dan Kolej Matrikulasi Semester 1, menengah atas.

Persoalan:

- Adakah dengan menggunakan Bahasa Inggeris (Bahasa kedua pelajar) sebagai bahasa pengantar, pembelajaran matematik dan sains pelajar lebih berjaya, lebih cemerlang, boleh dipertingkatkan atau diperkuatkan jika dibandingkan dengan penggunaan bahasa ibunda?
- Adakah dasar ini dapat meningkatkan penguasaan pelajar dalam Bahasa Inggeris?
- Bagaimana dengan kesediaan dan kemampuan Guru-Guru Mata pelajaran Matematik dan Sains di sekolah yang diamanahkan mengajar murid ini?
- Apakah peralatan dan psarana pembelajaran yang di sediakan terutama di luar bandar sudah diyakini mampu serta mencukupi untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris?
- Adakah jelas pengajaran dan pembelajaran Matematik dan sains menggunakan bahasa kedua lebih mudah disampaikan dan difahami oleh murid jika dibandingkan menggunakan bahasa ibunda?
- Bagaimana pelaksanaan terpilih dibuat di sekolah kebangsaan dan SJK Tamil Matematik dan sains diajar sepenuhnya dalam Bahasa Inggeris sementara di SJK Cina diajar dalam dwi bahasa iaitu bahasa Cina dan bahasa Inggeris.
- Bagaimana unjuran keputusan peperiksaan UPSR dijadikan sebagai kayu ukur keberkesanan pencapaian pengajaran matematik dan sains dalam bahasa Inggeris sedangkan sebahagian murid menjawab dalam bahasa Inggeris, sebahagian dalam bahasa Inggeris dan bahasa ibunda dan sebahagian dalam bahasa ibunda?

Sebab Dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) perlu ditamatkan.

Kami berpendapat dan berpendirian hasil dari kajian dan laporan bahawa sebarang dasar pendidikan negara mestilah di buat berdasarkan kepada perancangan dan hasil kajian ilmiah dan saintifik dan berlandaskan kepada fakta dan data yang sah. Fakta dan data yang tepat hanya boleh didapati melalui penyelidikan, penyeliaan, pencerapan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah, melalui penelitian kerja bertulis dan perbualan lisan dengan guru dan murid serta penelitian aktiviti berkaitan dengan akademik kajian di sekolah. Amat malang jika keputusan dibuat berdasarkan pandangan, prasangka, dapat perseorangan, tanggapan, persepsi dan andaian-andaian oleh tokoh-tokoh individu tertentu yang tidak mempunyai kepakaran didalam bidang pendidikan. Adalah jelas kejayaan sistem pendidikan sesebuah negara memerlukan perancangan teliti, kajian yang mendalam sebelum dilaksanakan serta tidak meniru acuan dan kejayaan negara lain tanpa mengambil kira asas ketuan bangsa, bahasa dan budaya negara sendiri. Perlu diingatkan "Bahasa menunjukkan Bangsa". Adakah kita rakyat Malaysia mengamalkan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa pengantara kita. Dimana hendak diletakkan "Jati Diri" kita rakyat Malaysia. Bagaimana kedaulatan Bahasa kita 20 tahun akan datang?.

Kami berpendapat adalah menepati kajian yang telah dibuat oleh PEMBINA (Permaufakatan Badan Ilmiah Nasional), Pasukan Penyelidik UPSI (Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim), Laporan Jemaah Nazir Sekolah dan pencinta bahasa terhadap kesan Pembelajaran Matematik dan Sains Dalam Bahasa Inggeris (PPSMI).

**MAKA KAMI DENGAN INI MENNYATAKAN PENGAJARAN MATEMATIK DAN SAINS DALAM BAHASA INGGERIS PERLU DIMANSUHKAN ATAS DASAR BERIKUT:**

1. Berdasarkan kajian PEMBINA, kajian ilmiah yang dijalankan oleh Ybgh Profesor emeritus Dato' Dr Isahak Haron (UPSI) pada april 2008 bertajuk Kesan Besar Pengajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris di Sekolah dan juga Kajian Ybgh Profesor Datin Dr Juriah Long (UKM) pada tahun 2005 bertajuk Kajian Perlaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik Dan Konteks Kepelbagaian Pelajar telah menunjukkan pencapaian negatif pelajar terutama dikawasan luar bandar, pendalaman dan FELDA. Kemerostan ini berlaku disebabkan murid tidak dapat memahami dan mengikuti pelajaran serta penguasaan konsep yang diajar oleh guru disebabkan penguasaan Bahasa Inggeris mereka lemah. Murid sukar berkomunikasi dan menggunakan bahasa inggeris semasa sesi pengajaran dan pembelajaran.
2. Terdapatnya jurang yang ketara antara sekolah Kebangsaan jika dibandingkan dengan sekolah Jenis Kebangsaan Cina yang dibenarkan Pengajaran matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris dan bahasa Ibunda ( Lihat kajian PEMBINA). Di sekolah JRJK C dibenarkan mengajar 4 waktu Matematik dan 3 waktu sains dalam bahasa Ibunda. Pencapaian murid Melayu di (SK) dibandingkan dengan murid Cina (SRJKC) bertambah jarak dan kritikal. Prestasi UPSR menunjukkan bahawa peratus murid yang gagal Matematik (D dan E) bertambah ramai di Sekolah Kebangsaan iaitu 21.0% berbanding SRJKC hanya 6.0%. Perbandingan pencapaian UPSR pertama kali dibandingkan purata lima tahun UPSR sebelumnya iaitu 2003-2007 sedangkan pada kebiasaan dibandingkan dengan tahun

- sebelumnya iaitu tahun 2007 bagi perbandingan keputusan 2008. apakah rasionalnya.
3. PPSMI boleh disimpulkan telah mewujudkan perbezaan prestasi antara murid yang sosio ekonomi ibubapa mereka yang berpendapatan rendah sama ada diluar bandar dan dibandar, FELDA, kawasan pendalaman malah mewujudkan jurang antara sesebuah negeri contohnya Negeri Sabah.
  4. Mengukur dan mentafsirkan kejayaan PPSMI berdasarkan kepada bertambah bilangan calon UPSR menjawab dalam Bahasa Inggeris adalah tidak tepat dan tidak boleh diterima kerana sepatutnya soalan peperiksaan UPSR dalam satu Bahasa sahaja pada tahun 2008 kerana murid tahun enam kesemuanya telah mengikuti sepenuhnya pengajaran matematik dan sains dalam bahasa inggeris dari darjah satu hingga darjah enam. Pencapaian murid SRJKC dalam UPSR jauh lebih baik kerana mereka menggunakan dwi bahasa dalam Pengajaran dan Pembelajaran PPSMI.
  5. Tindakan KPM menggabungkan keputusan peperiksaan Matematik dan Sains SK bersama –sama SRJKC dan SRJKT amat itdak wajar. Kemerosotan prestasi UPSR sekolah kebangsaan tidak dapat ditonjolkan. Ibubapa dan rakyat keseluruhannya tidak tahun kedudukan sebenarnya prestasi UPSR sekolah kebangsaan. Tindakan KPM tidak sejajar dengan matlamat Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP 2006-2010) untuk memperkasakan Sekolah Kebangsaan.
  6. Berdasarkan kajian PEMBINA peratus kegagalan (D dan E) Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris dalam Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) terlalu tinggi. Data jugamenunjukkan bahawa bilangan pelajar yang gagal dan tercicir diperingkat SPM terlalu tinggi. Ianya melibatkan semua bangsa di sekolah.
  7. Dasar PPSMI menggagalkan matlamat Dasar Sains Negara 60:40 (Sains&Tknologi : Sastera) yang hendak dicapai tahun 2010. Semasa diperkenalkan tahun 2001, nisbahnya ialah 37 :63 mengikut sasaran tahun 2008 sepatutnya 56:44, malangnya nisbah yang dicapai sekitar 44:56. Kesan negatif ini akan membawa secara kumulatif ke peringkat lebih tinggi seterusnya (peringkat universiti). Ini bermakna PPSMI tidak berupaya meningkatkan pembelajaran Matematik dan sains secara berterusan dan mencapai matlamat dasar 60:40 menjelang 2010.
  8. Menamabah sukar bagi kerajaan untuk menambah bilangan bumiputra menyertai bidang kerjaya perubatan, farmasi, pergigian, vaterinar, jurutera, arkitek, juruukur, peguam dan kauntan menjelang 2020 berdasarkan Dasar Meritokrasi Pendidikan Negara.
  9. PPSMI bertentangan dengan perlembagaan persekutuan perkara 152(1), 152(6) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967, Penyata Razak 1056, Penyata Rahman Talib 1960, Akta Pelajaran 1961 dan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).

PPSMI bertentangan dengan semangat Perlembagaan Persekutuan Perkara 152(1) yang memperuntukan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan hendaklah digunakan sebagai Bahasa Rasmi dan perkara 152 (6) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan ;

”maksud rasmi” ertinya apa-apa jua maksud kerajaan, sama ada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, dan termasuklah apa-apa maksud sesuatu pihak berkuasa awam”

Bertentangan dengan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967: Bahasa Kebangsaan sebagai Bahasa Rasmi telah diperuntukan di bawah Seksyen 2, Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Akta(32) seperti berikut;

”Kecuali sebagaimana diperuntukkan dalam aktaini dan tertakluk kepada perlindungan-perindungan terkandung dalam perkara 152(1) perlembagaan berhubung dengan mana-mana bahasa lain dan bahasa mana-mana kaum lain di Malaysia, bahasa kebangsaan hendaklah digunakan bagi maksud-maksud rasmi”.

Bertentangan dengan Akta Pendidikan 1996: Bahasa Kebangsaan adalah Bahasa Pengantar Utama. Seksyen 17, Akta Pendidikan 1996 menetapkan Bahasa Kebangsaan sebagai Bahasa Pengantar Utama seperti berikut:

- (1) Bahasa Kebangsaan hendaklah menjadi bahasa pengantar di semua institusi pendidikan dalam sistem Pendidikan Kebangsaan kecuali sekolah jenis kebangsaan yang ditubuhkan dibawah seksyen 28 atau mana-mana institusi pendidikan lain yang dikecualikan oleh Menteri daripada subseksyen ini.
- (2) Jika bahasa pengantar utama di sesuatu institusi pendidikan selain daripada bahasa kebangsaan, maka bahasa kebangsaan adalah diajarkan sebagai mata pelajaran wajib di institusi itu.

Adalah jelas difahami peruntukan subseksyen 17(1) bermakna pengajaran dan pembelajaran yang berlangsung didalam kelas hendaklah secara utamanya dijalankan dalam Bahasa Kebangsaan iaitu Bahasa Melayu, kecuali bagi Sekolah Jenis Kebangsaan.

10. Perlaksanaan PPSMI akan menghilangkan identiti bangsa, kepatriotan dan kebudayaan . Bahasa Melayu seharusnya diangkat sebagai bahasa ilmu dan menjadi salah satu Bahasa Antarabangsa melalui peluasan penggunaannya di negara nusantara. Lihat negara yang telah maju seperti Jepun, Jerman, Perancis mereka kekal status sebagai negara maju dengan mengekalkan bahasa mereka sendiri sebagai bahasa ilmu. Istilah-istilah baru dalam bidang sains, perubatan, teknologi, kejuruteraan dan sebagainya tidak akan dibentuk lagi kerana ianya memberi kesan jangka panjang. Penggunaan Bahasa Melayu diperingkat SPM 29%, Tingkatan Enam dan Matrikulasi 20% sementara di Universiti 9% (Kajian Kamal Shukri Abdullah Sani dan Prof. Madya Dr Nor Hashimah Jalaludin).
11. Kami mencadangkan Penguasaan Bahasa Inggeris diperkasakan melalui Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Inggeris itu sendiri. Kita amat bersetuju untuk melahirkan rakyat kelas pertama hanya akan wujud jika mereka dapat menguasai berbagai-bagai bahasa dan cabang ilmu. Oleh itu untuk mempertingkatkan penguasaan Bahasa Inggeris bukanlah dengan mengorbankan penguasaan ilmu Matematik dan Sains sebaliknya melalui pengukuhan kurikulum, kaedah pedagogi, penambahan guru bahasa peningkatan kemahiran guru itu

sendiri. Kewujudan makmal bahasa di sekolah, Bahan Bantu Mengajar mengikut kesesuaian masa serta peruntukan kewangan yang mencukupi kepada pengurusan sekolah dan institusi untuk membantu pelajar menguasai Bahasa Inggeris dan lain-lain bahasa. Makmal komputer yang sedia ada dinaiktaraf supaya menjadi makmal bahasa dengan disediakan pembantu guru seterusnya penggunaan komputer dan peralatan dimaksimumkan. Setiap bilik darjah ada sudut komputer untuk memperkukuhkan sistem pengajaran dan pembelajaran murid.

Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu ke-VI yang bersidang di Dean Tun Abdul Razak , Tanjung Malim. Perak pada 5 September 2002 yang dihadiri oleh 500 pejuang bahasa bersetuju dengan tujuan kerajaan meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dikalangan pelajar sekolah dan Institusi pengajian tinggi, walaubagaimana Kongres tidak setuju langkah kerajaan menukar Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar Matematik dan sains kerana akan menghentikan perkembangan sihat ilmu dan teknologi dalam Bahasa Melayu dan memberi kesan negatif pencapaian pelajar khususnya dikawasan pendalaman, luar bandar dan FELDA.

#### KESIMPILAN.

Perlu difahami, bahasa ibunda ialah cara terbaik bagi sesebuah bangsa yang bertamadun mempelajari dan mendalami ilmu pengetahuan . Bahasa Malaysia kita mesti dimartabatkan sebagai satu bahasa ilmu didunia ini. Dipraktikkan dan dimartabatkan sebagai bahasa pengantar di negara ini sejajar dengan Artikel 152(1) dan Artikel 152(6) Perlembagaan Persekutuan Malaysia serta Seksyen 17 (1) Akta Pendidikan 1996 dan Perinsip Rukun Negara (Keluhuran Perlembagaan). Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka dan Institut Terjemahan Negara perlu diketengahkan sementara Pusat Perkembangan Kurikulum dan Lembaga Peperiksaan Kementerian Pelajaran Malaysia menjadi nadi kepada kedaulatan dan memertabatkan ilmu serta Bahasa Malaysia. Kembalikan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Ilmu seperti sebelum tahun 2003. (Beberapa kajian telah menghuraikan kejayaan pelaksanaan Bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan dan bahasa pengantar pendidikan, termasuk bagi mata pelajaran Matematik dan Sains (Hassan Ahmad(2005) dan Shahrir Mohamad Zain (2005). Maka adalah wajar PPSMI ditamatkan perlaksanaannya di sekolah.

DISEDIAKAN OLEH

Majlis permaufakatan Kesatuan dan Persatuan Guru  
Langkawi 2009.